

06 MAR 2003

OIC-Ulas/I

OIC BERSATU HATI MENENTANG PERANG TERHADAP IRAQ

Oleh:Ahmad Zukiman Zain

DOHA, 6 Mac (Bernama) -- Kemeriahan sambutan tahun baru hijrah hampir tidak dirasakan ketika para pemimpin Islam tiba seorang demi seorang ke negara terkaya di dunia ini bagi menghadiri mesyuarat khas pada Rabu untuk membincangkan kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya serangan terhadap Iraq.

Dengan niat untuk menghalang meletusnya serangan yang diterajui oleh Amerika syarikat terhadap sebuah negara Islam, mesyuarat luar biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berlangsung selama sehari di sini, dilihat sebagai ikhtiar terakhir bagi mencari jalan penyelesaian secara aman terhadap satu krisis yang membara sejak sekian lama.

Mesyuarat itu yang pada mulanya diselubungi oleh teka teki tentang jumlah pemimpin yang akan menyertainya, bagi mencerminkan komitmen para pemimpin Islam dalam memperjuangkan nasib sebuah negara yang dihuni oleh saudara seagama mereka, akhirnya menempa kejayaan membanggakan apabila negara anggota OIC mencapai penyatuan suara dalam menentang sebarang serangan terhadap Iraq sambil terus memberi sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin.

Mesyuarat itu juga telah mematahkan percubaan untuk menukar kepimpinan di Iraq apabila ia menolak saranan yang bertujuan membawa perubahan kepada rantau berkenaan serta campur tangan luar terhadap hal ehwal dalamannya.

Walaupun ia bukan merupakan suatu agenda, namun cadangan agar pemimpin Iraq Presiden Saddam Hussein mengundur diri dan hidup dalam buangan sebagai suatu cara untuk mengelak serangan Amerika terhadap negaranya, telah mendapat perhatian khusus di kalangan para diplomat di sini.

Idea tersebut dicetuskan oleh Presiden Emiriyah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan pada Sidang Kemuncak Liga Arab hujung minggu lepas sebelum dibangkitkan sekali lagi pada mesyuarat para menteri luar Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang berlangsung di sini pada Isnin.

Sebenarnya, jika idea itu dibentangkan sekalipun, ia tidak akan mendapat sokongan sebahagian besar daripada 57 anggota OIC termasuk Malaysia. Malah, Setiausaha Agung OIC Abdulwahed Belqaziz sendiri berpendapat bahawa selepas Iraq, negara Islam lain pula akan menghadapi tekanan agar menukar pemimpin mereka.

Bercakap kepada pemberita mengenai hasil mesyuarat semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tekanan supaya diwujudkan pertukaran rejim bukan sesuatu yang baru sekalipun ia mungkin dibuat dalam bentuk yang berbeza.

"Dahulu mereka setakat menggunakan kuasa ekonomi, umpamanya mereka berjaya untuk menukar kerajaan di Indonesia dengan cara menjadikan Indonesia negara yang miskin yang terpaksa meminta pertolongan dengan bersyarat iaitu mesti ada perubahan rejim.

"Apakah selepas Iraq, kalau diterima perubahan rejim secara menggunakan tentera, apakah negara-negara lain tidak menghadapi masalah yang sama untuk melakukan perubahan rejim," katanya.

Mengulas pendapat bahawa pengunduran diri Saddam boleh menyelesaikan krisis yang sedang dihadapi, Menteri Luar Iraq Naji Sabri sebaliknya berpendapat konflik berkenaan boleh diselesaikan sekiranya Presiden Amerika George W. Bush meletak jawatan.

"Ya, jika Bush mengundur diri dan biarkan dunia hidup dalam keadaan aman dan biarkan negaranya dihormati dunia dan bukan dipencilkan serta dibenci oleh seluruh dunia, (dan) menjadi musuh nombor satu manusia,"

katanya kepada pemberita di luar mesyuarat berkenaan di sini.

Perang terhadap Iraq sudah tentu akan memberi kesan termasuk kepada negara di luar rantau ini.

Berjuta-juta pekerja dari benua kecil India, malah dari Filipina dan Indonesia mencari nafkah di negara-negara Teluk. Mereka menghantar pulang wang berjumlah berjuta-juta dolar ke negara asal masing-masing.

Terletak bersempadan dengan Arab Saudi dan UAE di selatan dan Bahrain di barat laut, Qatar berada di pertengahan bahagian barat Teluk Arab. Kaya dengan hasil minyak dan gas, negara ini mempunyai 600,000 penduduk. Daripada jumlah ini, kurang daripada 200,000 orang adalah warga negaranya manakala selebihnya adalah pekerja asing.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata mesyuarat di sini telah melahirkan pendirian padu anggotanya dalam menentang peperangan.

"Kita bukan menentang sesiapa tapi ia adalah demi keamanan dan saya fikir anda tidak boleh menganggap nyawa manusia sebagai suatu sandaran.

"Sekiranya ingin dihormati dan menjaga maruah mereka, negara-negara Islam perlu menunjukkan pendirian yang padu. Saya rasa kita masih mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menghalang peperangan dengan syarat kita mempunyai barisan yang padu," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AHH SP MAI